

[KHILAF FIQHI IN FATWA COUNCIL IN MALAYSIA : A PRELIMINARY STUDY]

KHILAF FIQHI DALAM INSTITUSI FATWA DI MALAYSIA: SATU KAJIAN AWAL

MUHAMMAD HAGIA SOFIA MOHD¹
WAN MOHD YUSOF WAN CHIK²
BASRI IBRAHIM³
ABDUL WAHAB MD ALI⁴

¹Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Terengganu, MALAYSIA.
Email: muhamadhagiasofia@gmail.com

Received: 4 July 2021

Accepted: 15 July 2021

Published: 22 November 2021

Abstract

Issues related to khilaf fiqhi have existed since the time of the previous companions of our Prophet and lasted until now, the issue of khilaf fiqhi often arises and becomes an issue that is discussed in the Muslim community, including in Malaysia. Whenever this issue arises, the community will look for a solution to solve the problem. The State Mufti Department or the Fatwa Committee of the National Council is seen as the most authoritative and most trusted body by the community. Other than that, the internet facility is also one of the contributors to the issue of khilaf fiqhi, because they have access to various channels, especially related to the answers submitted by the authoritative bodies to find answers to their questions. The answers given by the authoritative bodies sometimes come in various forms according to the situation and local uruuf. The answers given sometimes appear as if there are differences in answers for each question posed, causing them to be confused with the differences between the answers given. This issue arises because each state has its own Islamic administrative enactment which falls under the jurisdiction of the King, Sultan or Yang di-Pertuan Besar of the state concerned. The State Fatwa Committee was formed based on the Islamic administration enactment of each state. Any decision that has been set by the fatwa committee of one state applies to that state only and not to other states. The matter in question arises when a rule of law is decided in one state, while there are differences in rule of law with other states, which causes questions and discussions to arise among the community in Malaysia in this borderless world. Therefore, this study is presented to explain the history of fiqh khilaf, the cause of fiqh khilaf in the history of past fiqh development and also Malaysia as well as the understanding that needs to be emphasized by the Muslim community in Malaysia in facing the content of fiqh khilaf. The methodology of this study is based on qualitative research. The data were obtained through a document analysis study regarding the treasures of turath (classical) fiqh and current fatwas. This qualitative study uses deductive and comparative methods. It is hoped that this study can be part of a scholarly discussion that can provide a comprehensive general understanding to the Malaysian community in understanding the fiqh errors that occur in Malaysia. A comprehensive understanding of this matter is very important because it will resolve the confusion in society and restore confidence in the fatwa institution in Malaysia.

Keywords: khilaf, fiqhiyyah, Fatwa Council

Abstrak

Isu-isu yang berkait dengan khilaf fiqhi telah wujud bermula dari zaman sahabat terdahulu dan berlarutan sehingga kini, isu khilaf fiqhi sering timbul dan menjadi isu yang di perbincangan dalam Masyarakat Islam termasuk di Malaysia. Setiap kali timbulnya isu ini, masyarakat akan mencari solusi bagi mendapatkan penyelesaian dalam masalah tersebut. Jabatan Mufti Negeri-Negeri atau Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan dilihat sebagai badan yang paling berautoriti dan paling dipercayai oleh masyarakat. Kemudahan internet juga menjadi antara penyumbang kepada isu khilaf fiqhi ini kerana mereka mengakses pelbagai saluran terutamanya jawapan yang dikemukakan oleh badan-badan berautoriti bagi mencari jawapan kepada persoalan mereka itu. Jawapan yang dikemukakan oleh badan tersebut adakalanya dalam bentuk yang pelbagai mengikut situasi dan *uruuf* setempat. Jawapan yang dikemukakan itu adakalanya menampakkan seolah wujudnya perbezaan jawapan bagi satu-satu persoalan yang dikemukakan, sehingga menyebabkan mereka terkeliru dengan perbezaan antara jawapan yang diberikan itu. Hal ini timbul disebabkan setiap negeri mempunyai enakmen pentadbiran Islam yang tersendiri yang terletak di bawah bidang kuasa Sultan, Raja atau Yang di-Pertuan Besar negeri terbabit. Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri yang dibentuk berpandukan enakmen pentadbiran Islam negeri-negeri. Sebarang keputusan yang telah ditetapkan oleh jawatankuasa fatwa sesebuah negeri terpakai untuk negeri tersebut tidak bagi negeri yang lain. Perkara yang menjadi persoalan apabila suatu ketetapan hukum diputuskan di sesebuah negeri, apabila wujudnya perbezaan dengan negeri yang lain menyebabkan timbulnya persoalan dan perbincangan di kalangan masyarakat di Malaysia dalam dunia tanpa sempadan ini. Justeru, kajian ini dikemukakan untuk menjelaskan sejarah berlakunya khilaf fiqhi, punca khilaf fiqhi dalam sejarah perkembangan fiqh Islam dan juga Malaysia serta kefahaman yang perlu diberikan penekanan oleh masyarakat Islam di Malaysia dalam mendepani isu khilaf fiqhi ini. Metodologi kajian ini adalah berdasarkan kajian kualitatif. Data-data diperoleh melalui kajian analisis dokumen dengan merujuk kepada khazanah fiqh *turath* (klasik) dan fatwa semasa. Kajian yang bersifat kualitatif ini menggunakan metode deduktif dan komparatif. Kajian ini diharapkan dapat menjadi sebahagian daripada perbincangan ilmiah yang dapat memberikan kefahaman umum yang menyeluruh kepada masyarakat Malaysia dalam memahami khilaf fiqhi yang berlaku di Malaysia ini. Pemahaman yang menyeluruh berhubung perkara ini adalah amat penting kerana ia akan menyelesaikan kekeliruan dalam masyarakat sekali gus mengembalikan keyakinan terhadap institusi fatwa di Malaysia.

Kata kunci: khilaf, fiqhiyyah, institusi fatwa

PENGENALAN

Perbezaan fatwa bukanlah suatu perkara baharu dalam dunia Islam bahkan telah berlaku sejak zaman Rasulullah SAW lagi. Walaupun sedemikian, kefahaman dan lapang dada generasi terdahulu dalam masalah khilafiah ditambah kefahaman ilmu mereka yang mampan berkaitan ilmu keagamaan menjadikan perbezaan fatwa yang wujud ini berlaku dalam suasana yang harmoni.

Persoalan berkaitan kemusykilan dalam perkara agama yang timbul kepada seseorang Muslim tidak menjadi isu besar di masa hayat Rasulullah SAW kerana segala perkara yang berlaku akan dirujuk secara langsung kepada Rasulullah SAW dan perkara tersebut diberikan jawapan secara terus oleh Rasulullah SAW sama ada melalui wahyu al-Quran yang diturunkan kepada Baginda bagi menjawab persoalan tersebut yang dikenali sebagai *asbab al-nuzul* (sebab turunnya) sesuatu ayat. Pada masa ini juga, tidak timbulnya perselisihan dalam isu hukum kerana semua jawapan kepada permasalahan hukum hanya berpusat kepada Rasulullah SAW tambahan pula ketika itu al-Quran masih diturunkan. Setelah kewafatan Rasulullah SAW, para Sahabat yang terbilang seperti Abu Bakar, Sayidina Umar, Uthman dan Ali telah berfatwa dalam hal yang berkaitan dengan pemerintahan dalam perkara yang tidak bertentangan dengan dalil-dalil syarak.¹

Ibn al-Qayyim menyatakan bahawa terdapat lebih daripada 130 orang Sahabat Rasulullah SAW sama ada lelaki mahupun perempuan yang telah mengeluarkan fatwa terutamanya tujuh orang Sahabat iaitu Umar bin al-Khattab, Ali bin Abi Talib, Abdullah bin Mas'ud, Ummul Mukminin Aisyah, Zaid bin Thabit Abdullah bin Al-Abbas dan Abdullah bin Umar.² Al-Maqrizi pula menyatakan bahawa antara Sahabat yang telah berfatwa ialah Abu Bakar, Khalifah Umar, Khalifah 'Uthman, Khalifah Ali bin Abi Talib, Abd Rahman Bin Auf, Abdullah bin Mas'ud, Ubai bin Ka'ab, Muaz Bin Jabal, Ammar bin Yasir, Huzaifah bin al-Yamani, Zaid bin Thabit, Abu Darda, Abu Musa al-Ash'ariy dan Salman al-Farisiy.³

Para sahabat yang mengeluarkan fatwa merupakan golongan yang memahami dalil syarak secara mendalam serta lebih memahami perkara berkaitan *asbab al-nuzul* ayat dan *asbab al-wurud* hadis. Maka tidak pelik jika mereka mampu mengeluarkan fatwa kerana kefahaman mereka yang jitu dalam memahami dalil syarak. Walaupun ada kalanya fatwa yang dikemukakan oleh Sahabat tertentu yang berbeza dengan Sahabat yang lain, namun mereka tidak pernah membandingkan fatwa yang mereka lakukan dengan menafikan fatwa yang dikemukakan oleh sahabat yang lain bahkan mereka akan bersama dalam melakukan amalan ketaatan sebagaimana ungkapan yang telah di kemukakan oleh Sayidina Umar "*sesiapa yang mengucapkan marilah menunaikan solat, kami akan menyahutnya, tetapi apabila mereka mengucapkan, marilah menumpahkan darah kami akan meninggalkannya*".⁴

Pada zaman era sahabat juga adanya perbezaan fatwa, namun perkara tersebut tidaklah menjadi isu besar yang menjadi punca kepada perselisihan dalam perkara hukum syarak sebagai contoh, perbezaan pendapat dalam menentukan Iddah perempuan hamil yang kematian suaminya. 'Umār dan Ibn Mas'ūd berpendapat 'iddah perempuan tersebut berakhir setelah melahirkan anak, manakala 'Ali dan Ibn 'Abbās pula berpendapat 'iddah perempuan mengandung yang kematian suaminya, ialah *ab'ad ajalayn* iaitu tempoh

¹ Abdul Monir Yacoob, Mufti Dan Fatwa Di Negara-Negara Asean, Ed. Abdul Monir Yaacob And Abd.Majid Wan Roslili, (Kuala Lumpur, 1998).

² Abi 'Abdullah Muhammad Bin abi Bakr bin Ayyub. ibn Qayyim al Jauziyy, *'Alam Al-Muwaqi'in an Rabbil 'Alamin.*, 1st ed. (Jeddah: Dar Ibn Jauziyy, n.d.).

³ Muhammad Bin 'Ali as Shaukani, *Irshad Al-Fuhul Ila Tahqiq Al-Haqqi Min 'Ilmi Usul* (Kaherah, n.d.).

⁴ Al-Qardawi Yusuf (Dr). *Kaifa Nata'amalu Ma'a al-Turath Wa al-Tamazub Wa al-ikhtilaf*, Mua'sasah al-Risalah, 1426/2005. Hlm 218.

yang paling lama antara dua tempoh tersebut sama ada bersalin atau empat bulan sepuluh hari.⁵

Begitu juga mereka berbeza pandangan hal berkaitan membaca qunut ketika solat subuh, sebahagian membaca manakala yang lain tidak membaca qunut dalam solat subuh, persoalan berkaitan muntah, berbekam, menyentuh perempuan tanpa berlapis dikira membatalkan wuduk atau sebaliknya, sebahagian daripada mereka menyatakan perbuatan tersebut membatalkan wuduk, manakala sebahagian yang lain menghukumkan tidak membatalkan wuduk.⁶

Berlakunya perbezaan fatwa dalam kalangan sahabat berpunca daripada perbezaan kefahaman mereka kepada dalil syarak sama ada dari Al-Quran atau Al-Hadis yang bersifat *zanni*, dan mereka tidak sesekali berbeza pendapat dalam memahami hukum dalam dalil yang bersifat *qat'ie*. Kefahaman yang berbeza dalam memahami ayat *zanni* menjadi punca wujudnya pentafsiran yang berbeza kepada nas syarak yang menyebabkan berlakunya perbezaan dalam perkara cabang hukum sama ada pada zaman awal Islam atau zaman mutakhir.

Perbezaan dalam perkara khilaf yang berlaku dalam memahami nas syarak yang berbentuk *zanni* ini, bukanlah suatu yang sepatutnya menjadi isu yang boleh mencetuskan perbalahan dan perkelahian dalam masyarakat kerana perselisihan *fiqh* dalam perkara *furu'* dan perbezaan *ijtihad* bermula daripada zaman sahabat baginda lagi, namun perkara yang perlu di berikan perhatian adalah bagaimana interaksi umat Islam dalam isu perbezaan *fiqh* ini serta sikap dan keterbukaan umat Islam dalam menerima perbezaan pandangan khususnya dalam isu khilafiah *fiqh*.

Perbezaan yang berlaku dalam memahami dalil-dalil *zanni* ini bukan hanya berlaku dalam kalangan ulama sahaja bahkan berlaku juga kepada institusi fatwa, wujudnya perbezaan fatwa antara majlis fatwa sesebuah negeri dengan majlis fatwa negeri yang lain dalam perkara khilafiah kerana perbezaan dalam menerima hukum dalam hal yang berkaitan dalil *zanni* atau pun dalam masalah khilafiah.

Apa yang menariknya perbezaan pandangan hukum yang berlaku dalam kalangan sahabat, tabiin dan ulama terdahulu dalam perkara *fiqh* tidak menyebabkan mereka berkelahi sehingga mereka menafikan kelompok yang lain dalam perkara yang berkaitan dengan perbezaan *fiqh*. Sebagai contoh, Imam Abu Hanifah dan muridnya Imam Syafi'e, dan imam-imam yang lain tetap bersembahyang di belakang ulama Madinah yang berpegang dengan Mazhab Maliki yang tidak mensyaratkan membaca basmalah pada permulaan surah al-Fatihah dalam solat sama ada secara perlahan atau secara nyata.

Perbezaan pandangan yang berlaku dalam kalangan mereka berkaitan dengan permasalahan ini, tidak menjadi penghalang kepada ulama yang berbeza mazhab menjadi makmum kepada imam yang bermazhab berlainan daripada mereka.⁷ Penerimaan secara harmoni kepada perbezaan pandangan yang berlaku dalam kalangan ulama terdahulu sewajarnya dicontohi dan dijadikan panduan kepada umat Islam masa kini. Justeru, kajian ini di kemukakan untuk menjelaskan sejarah berlakunya khilaf *fiqhi*, punca khilaf *fiqhi* dalam sejarah perkembangan *fiqh* silam dan juga Malaysia serta kefahaman yang perlu di berikan penekanan oleh masyarakat Islam di Malaysia dalam mendepani isi khilaf *fiqhi* ini.

⁵ Al-Bayānūnī, Muhammad Abu al-Fath, *Dirāsāt fī al-ikhtilāfāt al-Fiqhiyyah*. Madinah Dār al-Salām. 1975. Hlm 24-25.

⁶ Shairaāziy, Tabaqāt al- Fuqahā, Tahqiq Dr Ihsan A'bas. Dar Raāid al-A'rabiyy, Beirut 1970

⁷ Al-AlwĒniy. Taha JĒbir Fayyadh . Dr, *AdĒbul Al-IkhtilĒf Fi Al-Islam* (RiĒĒsah al-MuhĒkim Al-SyarĒiyyah Wa As ØyuĒnun Ad DĒniyyah, Qatar., 1405 h).

KHILAF FIQHI

Perkataan khilaf membawa maksud menyisihkan sesuatu yang bercanggah dengannya.⁸ Manakala al-Jurjāniy mendefinisikan khilaf sebagai percanggahan yang berlaku antara dua pihak yang saling berbeza dalam menjelaskan hakikat kebenaran atau membatalkan sesuatu kebatilan.⁹ Ibn Manzur pula mendefinisikan khilaf ialah sesuatu yang bercanggah dan tidak mempunyai kesepakatan. Dikatakan dua perkara itu saling berbeza, iaitu keduanya tidak sepakat. Manakala setiap perkara yang tidak selari itu membawa makna yang bercanggah dan berikhtilaf.¹⁰

Syeikh Ayyub bin Musa al-Husaini membezakan pentakrifan khilaf dan ikhtilaf. Menurut beliau ikhtilaf ialah sesuatu yang bersandarkan kepada dalil manakala khilaf pula sesuatu yang tidak bersandarkan kepada dalil.¹¹ Al-Imam al-Shātibiy membezakan makna khilaf dan ikhtilaf, beliau berpendapat khilaf ialah sesuatu yang lahir daripada hawa nafsu bukannya hasil daripada mencapai objektif syarak dengan cara mengikut dalil hukum syarak.

Ibn Fāris¹² menyatakan perkataan khilaf berasal daripada kalimah *khalafa* (خلف) yang terdiri daripada tiga unsur yang utama seperti berikut:

- i. Bermulanya sesuatu setelah sesuatu perkara atas tujuan yang tertentu.
- ii. Perbezaan dengan yang terdahulu.
- iii. Wujudnya perubahan.

Al-Jawharī pula menyatakan perkataan al-khalafu membawa maksud penolakan kepada sesuatu pernyataan, manakala perkataan al-khalāfah bermaksud seperti pokok buah-buahan yang berbuah di luar musim buah bagi pokok yang sama sepertinya. Manakala bagi manusia, manusia yang mempunyai banyak perbezaan dengan kelompok yang lain. Al-Fayūmiy¹³ dalam kitab *Misbahul Munir* menyatakan khilaf membawa maksud berlawanan atau menyalahi, sebagai contoh sekelompok orang menyalahi apa yang dilakukan oleh kumpulan kebanyakan dalam masyarakat tersebut, mereka akan dikenali sebagai kelompok yang menyalahi atau berlawanan dengan kumpulan kebanyakan. Al-Fayūmi juga menyimpulkan, khilaf membawa maksud menyalahi kesepakatan.¹⁴

Syeikh Ayyub bin Musa al-Husaini menyatakan, “Ikhtilaf adalah sesuatu yang bersandarkan kepada dalil manakala khilaf adalah sesuatu yang tidak bersandarkan kepada dalil”.¹⁵ Dr Salim bin ‘Ali al-Thaqāfi menyatakan ‘para fuqaha kadangkala menggunakan

⁸ *al-Qamus al-Muhith, al-Fairuz Abadi (1/251)*.

⁹ *al-Ta'rifaat, al-Jurjani. Hlm. 135*.

¹⁰ Ibn Manzhur, *Lisan Al-Arab (2/232)*.

¹¹ Abi al-Baqa'. Ayub Bin Mūsa al-Husāini al-Kūfiy. *Al-kulliyāt Mu'jam Mustolahāt wa Al-furuk, lughawiyah*. Tahqiq Dr Adnan Darwish, Muhammad Musri. Muassasah ar-Risalah. 1997. hlm 61.

¹² Beliau ialah Ahmad bi Zakariyya seorang ulama yang terkenal dalam ilmu bahasa arab dan penulis kitab *Miqyās al-Lūghah*, meninggal dunia pada tahun 395 hijrah.

¹³ Beliau ialah Ahmad Bin Muhammad ibn Ali Al-Fayūmiy al-Hamdi, Seorang tokoh dalam ilmu bahasa Arab dan alam dalam ilmu Fiqh. Beliau ialah pengarang kitab *Msbahul Munir Fi Gharib Al-Syarhu Al-Kabir*, meniggal dunia pada tahu 770 H, bersamaan 1368 masih, banyak mengarang kitab, antaranya *Dīwān Al-Katib*, *Syarh Uruḍ Ibnu Hājib*, *Nasru Al-Jumān Fi Tarājim Al-A'Yan*.

<https://www.ahlalloghah.com/showthread.php?t=12192> capaian pada 11feb 2019. Pusat pencetakan Malik Faisal, *Kitab Khazanah At-Turath*. az-Zahabiy, Siyarul 'Alāmi Nubala, Muassasah Ar-Risalah, Beyrut, cet pertama, 1409 H.

¹⁴ Al-Fayūmiy, Ahmad Bin Muhammad ibn Ali Al-Fayūmiy al-Hamdi, *Misbahul Munir Fi-Gharibi As-Syarhu Al-Kabir*, Matabah Al-'Alamiyyah. Jld 1, Hlm 193.

¹⁵ Ayub bin Mūsa al-Husaini al-Qarimiy. *al-Kuliyyat Mu'jam fi al-Mustalahat wa al-Furuk al-Lughawiyah*. Tahqiq Adnan Darus, Muassasah ar-Risalah. Bairut. Hlm. 61

perkataan khilaf kepada perselisihan yang berlaku antara mazhab-mazhab atau *firqah* tertentu, manakala ikhtilaf adalah perselisihan yang berlaku di antara *ashab* mazhab yang satu¹⁶.

PENULISAN BERHUBUNG KHILAF FIQHIY MENURUT ILMUWAN ISLAM

Banyak penjelasan berkaitan ikhtilaf fiqh telah dikemukakan oleh para ulama sama ada dalam bentuk penulisan mahupun lisan. Penulisan-penulisan boleh dijadikan rujukan dalam memahami khilaf fiqh serta kaedah berinteraksi dengannya terutamanya dalam konteks perbezaan antara institusi fatwa di Malaysia.

Antara karya yang terkenal dalam membincangkan perkara ikhtilaf ialah *al-Bahr al Muhith li Zarkashi*¹⁷ yang membincangkan ilmu *Usuli* yang berkaitan dengan perbincangan yang berkaitan dengan ikhtilaf fiqhiyyah. Imam al-Asnawiy juga membincangkan perkara berkaitan ikhtilaf fiqhiyyah dalam kitab *Nihayatu as-Sul Fi Syarah Minhajul Wusul*.¹⁸ Al-Qadhi Abi Ya'la Muhammad Bin al-Husain al-Fara, dalam kitabnya *al-Uddah fi usuli al fiqh*¹⁹ membincangkan secara jelas perkara yang berkaitan dengan kaedah istinbat hukum berpandukan sumber hukum, secara tidak langsung perkara yang berkaitan dengan khilaf fiqh ini juga dibincangkan.

Dalam karya moden pula seperti tesis yang dikemukakan oleh Dr Said Khan yang bertajuk *Athar Ikhtilaf Fi Qawaid Usuliyyah Fi Ikhtilaf al-Fuqaha*.²⁰ Dalam penulisan ini beliau menjelaskan persoalan yang berkaitan dengan kaedah penetapan hukum syarak, tatacara mengeluarkan hukum berpandukan kaedah usul fiqh dan persoalan yang berkaitan dengan khilaf. Dalam kitab *Athar Adillah Mukhtalifah Fiha Fi Ikhtilaf al-Fuqaha*,²¹ ketika membincangkan *istishab*, *istihsan mazhab sahabiyy* dan perkara yang berkaitan dengan ilmu usul fiqh, Dr Mustafa Dhib al-Bugha turut menyentuh berhubung punca-punca berlakunya khilaf dalam fiqh.

Dr Abdul Karim Bin Ali Muhammad an-Namlah telah membincangkan dalam bukunya *Kitab al-Khilaf al-Lafziy inda Usuliyin*, punca berlakunya khilaf sama ada dalam perkara yang berkaitan perbezaan lafaz, taklid, *taarud* dan juga tarjih. Tanpa dikesampingkan perbincangan berkaitan dengan kaedah penghujahan dalil mukhtalifah, perkara yang berkaitan dengan *istihsan*, *istislah*, dan perbincangan yang berkaitan dengan ijtihad.

Secara kesimpulannya kitab-kitab yang disebutkan sebelum ini boleh dijadikan kitab panduan dalam memahami permasalahan khilaf, namun perkara yang berkaitan dengan fatwa dan peranan fatwa dalam menangani masalah khilaf tidak disentuh dalam perbincangan mereka. Perbincangan berkaitan fatwa dibahaskan secara tuntas oleh Imam Nawawi dalam kitabnya *Adab al Fatwa wa al-Mufti wa al-Mustafti*²² berkaitan ciri-ciri yang perlu ada bagi seorang mufti, kaedah pemilihan hukum dan pendapat ulama dalam menjelaskan isu kepada masyarakat awam dengan diberikan jawapan yang menyenangkan masyarakat. Jika terdapat beberapa pendapat yang berbeza dalam permasalahan yang timbul, para mufti hendaklah

¹⁶ Salim bin 'Ali al-Thaqafi, *Asbab Ikhtilaf al-Fuqaha*, Tesis master Jāmiyah Mālik 'Abd Aziz. 1971. Hlm. 18-19

¹⁷ Zarkashi, Badru Addin Muhammad Bin Bahhar bin Abdullah Bin As-Syafie, *Al-baru Muhith Fi Us'ili al Fiqh*. Wizarah Auqaf li As-Suun Al- Ijtimaaiyyah. Cet. ke-2. 1992

¹⁸ Asnawiy. Imam Jamaluddin Abd Rahim bin Hasan, *Nuh'iyatussul Fi Syarhi Minhajul Usul*. Alimul Kutub .tt.

¹⁹ Abi Yñala ala farñā. Abi Yñala Muhammad Bin Hussain Al Farñā, *al-ÑUddah Fi Us'elil Fiqh*. Tahqiq Dr Muhammad Bin Ali Sairu al-Mubarak. 1993.

²⁰ Mustafa Said al-Khan. *Athar Ikhtilaf Fi Qaw'ed Us'eliyyah Fi Ikhtil'ef al-fuqaha*. Muassasah Aar-Risalah. 1972.

²¹ An-Naw'ewiy. Abu Zakariyya Bin Yahya Bin Saharfu An-Naw'ewiy. *Ód'Éb'É al Fatw'É wa al-Mufti wa al-Mustafti* . Dar Al Fiqh. 1987.

²² Ibid.

memilih pendapat yang dirasakan pada pertimbangan mereka adalah pendapat yang paling baik kepada masyarakat. Walaupun dalam kitab ini ada dibincangkan perkara yang berkaitan peranan mufti dalam menangani pendapat yang berbeza dalam satu-satu masalah hukum, namun tidak dinyatakan panduan yang khusus berkaitan konteks penerimaan fatwa yang berbeza.

Ibn Salah asy-Syirāzi dalam kitabnya *Adab al-Mufti wa al-Mustafti*²³ membincangkan syarat-syarat, sifat, kelayakan seorang mufti. Turut dibincangkan juga persoalan adab memohon fatwa dan tatacara berfatwa bagi seorang mufti, penjelasan berkaitan prasyarat mufti turut dibahas namun tidak dibincangkan secara terus berhubung penerimaan dalam mendepani fatwa yang berbeza.

Dalam perbincangan berkaitan perbezaan fatwa, Muhammad Ikhlas Rosele dalam jurnal yang bertajuk *Konflik Fatwa di Malaysia Satu Kajian Awal*²⁴ menyenaraikan faktor berlakunya konflik fatwa di Malaysia, antaranya konflik antara institusi fatwa negeri dengan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan dan konflik fatwa negeri dengan negeri yang lain. Turut dibincangkan faktor berlakunya konflik fatwa seperti keterikatan Jawatankuasa fatwa dengan enakmen atau perlembagaan, kedudukan komposisi Jawatankuasa fatwa yang tak seimbang serta metodologi fatwa yang berbeza mengundang berlakunya perbezaan fatwa. Penulisan ini menyentuh punca berlakunya perbezaan fatwa, namun tidak dibincangkan semua isu-isu yang menjadi perbezaan dalam isu-isu fiqh contohnya isu perbezaan dalam isu fiqh kekeluargaan yang telah diputuskan oleh majlis fatwa yang berlainan.

Dalam perbincangan berkaitan proses penfatwaan, Shaikh ‘Ali Jum’ah dalam penulisan karyanya yang bertajuk *al-Kalim Al-Tayyib: Fatawa Asariyyah* membincangkan tata cara proses penfatwaan, manakala dalam kertas kerja beliau yang berjudul *Al-Ifta’ Haqiqatuh wa Adabuh wa Marahiluh* memperincikan proses penfatwaan secara teliti.

Nor Naemah Abd Rahman dalam penulisannya yang berjudul “Amalan Fatwa di Malaysia: Antara Keterikatan Mazhab dan Keperluan Tarjih, menjelaskan tentang keterikatan majlis fatwa bagi sesetengah negeri yang menggunakan mazhab Syafi’e sebagai asas dalam penentuan fatwa. Keterikatan fatwa biasanya akan berlaku kepada pandangan muktamad Syafi’e dan kemudiannya beralih kepada pandangan daif Syafi’e dan kemudiannya kepada pandangan lain dari mazhab sunni yang tiga lagi dengan berasaskan kepada keperluan kemaslahatan awam dan faedah umum boleh dipakai apabila terdapat keperluan yang tinggi dan keperluan itu akan menjadi penguat dan alasan yang kukuh kepada pemakaian.²⁵

KHILAF FIQHIY DAN REALITI DI MALAYSIA

Tidak banyak Isu-isu yang berkaitan dengan permasalahan khilaf fiqhi yang timbul di Malaysia berbanding jumlah fatwa yang telah diputuskan oleh institusi fatwa di Malaysia. Namun walaupun jumlahnya tidak banyak, perkara tersebut masih menjadi polemik yang menjadi punca perdebatan dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia. Timbulnya perbezaan pandangan berkaitan isu ini sama ada daripada mereka yang mempunyai pengetahuan yang mendalam dalam bidang agama, apatah lagi mereka yang tidak mempunyai pengetahuan yang mantap dalam bidang keagamaan.²⁶ Perbezaan ini ada kalanya menjurus

²³ ibid

²⁴ Muhammad Ikhlas Rosele et. Al. (2013). “Konflik Fatwa di Malaysia: Satu Kajian Awal”, Jurnal Fiqh, vol 10.

²⁵ Nor Naemah Abd Rahman. *Amalan Fatwa di Malaysia: Antara Keterikatan Mazhab dan Keperluan Tarjih*. Jurnal Fiqh, Vol 10. 2007.

²⁶ <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2017/03/214602/keliru-fatwa-solat>

kepada perbincangan secara ilmiah mengikut kaedah ilmu dan ada pula perbincangan yang berdasarkan andaian dan pemikiran akal semata-mata sehingga menyebabkan perbincangan tersasar daripada manhaj ilmu yang seterusnya menatijahkan kesimpulan yang tersasar daripada kaedah hukum syarak.

Dalam memahami dan menyelesaikan kekeliruan dalam masyarakat, isu-isu fiqh dalam Islam, institusi keagamaan seperti Jawatankuasa Fatwa negeri-negeri dan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan merupakan badan yang paling berautoriti sebagai sumber rujukan utama.²⁷ Keyakinan serta kepercayaan umat Islam kepada institusi fatwa amat tinggi, sehingga sebarang ketetapan yang dibuat oleh Jawatankuasa Fatwa diterima oleh umat Islam sebagai sumber utama hukum dalam menyelesaikan kekeliruan yang timbul.

Namun dalam cabaran era ledakan maklumat serta dunia tanpa sempadan kini, kebanyakan masyarakat menggunakan medium media sosial yang berasaskan sumber daripada internet untuk mendapatkan akses maklumat, baik dalam urusan pengetahuan seharian, maklumat kesihatan, sumber rujukan dalam aktiviti kehidupan, bimbingan kekeluargaan sehinggalah maklumat berkaitan hukum-hukum. Medium internet ini seringkali digunakan sebagai alat untuk mengetahui hukum dan persoalan ibadah yang dihadapi oleh masyarakat tanpa kefahaman yang jelas terhadap perkara asas berhubung kaedah pengeluaran hukum syarak itu sendiri.

Dalam usaha mendapatkan maklumat ini seringkali kedapatan penjelasan berkaitan hukum yang dikemukakan sama ada oleh badan-badan berautoriti seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jawatankuasa Fatwa Negeri, Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan dan badan-badan berautoriti yang dijadikan rujukan dan panduan. Hal ini tidak menimbulkan masalah dalam jika jawapan yang telah diputuskan oleh institusi terbabit sekata, namun bagi jawapan yang berbeza yang telah dikemukakan akan timbulnya pertikaian dan perdebatan. Sebagai contoh dalam isu berkaitan mem "bin" atau "binti" anak tidak sah taraf, wujudnya perbezaan dalam isu ini antara Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri. Bagi negeri Perlis, menyatakan anak yang lahir kurang 6 bulan selepas ibunya berkahwin boleh dibinkan kepada suami ibunya, kecuali jika dinafikan oleh suami²⁸. Berlainan pula dengan fatwa yang diputuskan oleh negeri yang lain seperti Selangor²⁹, Negeri Sembilan³⁰, Sarawak³¹ dan Negeri-negeri yang lain³². Kesemua institusi fatwa ini memutuskan fatwa mengikut ruang lingkup yang diperuntukkan kepada institusi terbabit mengikut *manhaj* yang ada bagi negeri terbabit sebagaimana yang telah diperuntukkan dalam enakmen negeri masing-masing.

Masalah timbul apabila masyarakat mengakses jawapan kepada persoalan ini akan menganggap seolah-olah wujudnya percanggahan yang besar berkaitan fatwa yang telah diputuskan oleh *Jawatankuasa Syariah* Negeri Perlis berbanding dengan fatwa yang telah diputuskan oleh *Jawatankuasa Perundangan Hukum syarak* Negeri Selangor. Mereka terkeliru dengan keputusan yang dibuat seolah-olah wujudnya perbezaan yang amat besar dalam fatwa hukum berkaitan masalah nasab ini. Hal ini menimbulkan perdebatan dalam kalangan masyarakat sekali gus menimbulkan kesangsian terhadap institusi berautoriti tanpa memahami fungsi, peranan, ruang lingkup serta manhaj yang digunakan institusi tersebut.

²⁷ Mohd Kamel Bin Mat Salleh, *Kedudukan Fatwa Dan Pendapat Mufti Sebagai Autoriti Di Mahkamah Syariah Malaysia*. Journal of Contemporary Islamic Law. Vol. 1(1) (2016).

²⁸ http://mufti.perlis.gov.my/index.php?option=com_docman&task=doc_download&gid=225&Itemid=124

²⁹ <http://www.muftiselangor.gov.my/86-fatwa/sosial-syariah/101-fatwa-tentang-garis-panduan-mengenai-anak-tak-sah-taraf-menurut-hukum-syara>

³⁰ <http://www.muftins.gov.my/index.php/arkib2/himpunan-fatwa/169-fatwa-mufti-negeri-sembilan/502-anak-luar-nikah>

³¹ <http://muftinegeri.sarawak.gov.my/modules/web/pages.php?mod=webpage&sub=page&id=98>

³² Apa yang dimaksudkan disini ialah negeri-negeri dalam Malaysia selain daripada negeri yang dinyatakan.

Justeru, garis panduan secara umum berhubung cara memahami perbezaan ini perlu dijelaskan kepada masyarakat agar tidak wujud salah sangka dan kesangsian terhadap institusi fatwa. Khususnya dalam perkara yang berkait dengan realiti khilaf fiqhi dalam perkara yang telah diputuskan oleh institusi fatwa di Malaysia.

REALITI KHILAF FIQHIY DALAM INSTITUSI FATWA DI MALAYSIA

Fungsi utama majlis fatwa adalah sebagai badan yang menjadi sumber rujukan hukum terhadap sesuatu permasalahan atau isu yang berlaku di dalam masyarakat. Institusi ini berfungsi sebagai badan yang mengkaji dan menyelidiki isu-isu kontemporari yang timbul dalam pelbagai bidang yang berkait secara khusus dengan permasalahan hukum syarak. Selain itu institusi ini juga, berfungsi sebagai badan yang menyebarkan pandangan hukum serta mendidik masyarakat bagi setiap fatwa yang telah diputuskan.

Dalam realiti di Malaysia, setiap negeri mempunyai Majlis Fatwa negeri yang tersendiri. Justeru, sebarang bentuk ketetapan yang dibuat adalah terikat dengan enakmen pentadbiran Islam negeri-negeri. Para mufti yang di lantik akan dibantu oleh jawatankuasa fatwa dalam proses untuk mengistinbatkan hukum dan pengeluaran fatwa. Setiap jawatankuasa fatwa negeri mempunyai nama yang tersendiri, Di negeri Kedah³³, Terengganu³⁴ dan Johor³⁵ di namakan *Jawatankuasa Fatwa*. Bagi negeri Pahang³⁶, Selangor³⁷ dan Wilayah Persekutuan³⁸ dinamakan *Jawatankuasa Perundangan Hukum syarak*. Di Perak³⁹, Melaka⁴⁰, Negeri Sembilan⁴¹, Perlis⁴² dan Pulau Pinang⁴³ dinamakan *Jawatankuasa Syariah*. Bagi negeri Kelantan⁴⁴ pula dipanggil *Jemaah Ulama*. Bagi negeri Sarawak⁴⁵ pula dikenali sebagai *Lembaga Fatwa*.

Setiap Institusi Fatwa negeri tidak boleh membuat sebarang ketentuan melangkaui enakmen yang telah diputuskan dalam undang-undang pentadbiran Islam negeri masing-masing. Lazimnya Institusi Fatwa negeri-negeri akan mengeluarkan fatwa bagi setiap persoalan atau isu yang timbul memfokuskan pandangan hukum kepada masyarakat dalam negeri tersebut.

Adalah tidak menghairankan apabila satu-satu fatwa yang telah diputuskan oleh sebuah Institusi fatwa sesebuah negeri yang mengikut metode yang telah diguna pakai oleh Institusi terbabit kelihatan berbeza dengan keputusan yang dibuat oleh negeri yang lain. Ini kerana metode penfatwaan atau manhaj dalam penentuan hukum adalah berlainan.

Sebagai contoh, bagi persoalan yang dikemukakan kepada *Jawatankuasa Syariah* misalnya, akan dijawab oleh *Jawatankuasa Syariah* negeri Perlis mengikut manhaj⁴⁶ dan suasana bagi negeri Perlis.⁴⁷ Bagi negeri Selangor pula, persoalan hukum akan dirujuk kepada

³³ Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Kedah), 1965,(Seksyen 36).

³⁴ Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu), 2003,(Seksyen 53).

³⁵ Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Johor), 1978, (Seksyen 15).

³⁶ Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Pahang), 1991,(Seksyen 39).

³⁷ Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam (Selangor), 1989, (Seksyen 34).

³⁸ Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-WilayahPersekutuan), 1993, (Akta No. 505, Seksyen 31).

³⁹ Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak), 1992, (Seksyen 37)

⁴⁰ Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Melaka), 1991, (Seksyen 33)

⁴¹ Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Sembilan), 1992,(Seksyen 33)

⁴² Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Perlis), 1963, (Seksyen8/Pindaan 1988).

⁴³ Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Pulau Pinang),1993, (Seksyen 39)

⁴⁴ Enakmen Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu (Kelantan),1994, (Seksyen 33).

⁴⁵ Ordinan Majlis Islam (Incorporation) (Sarawak), (Chapter 105,Seksyen 36)

⁴⁶ Jawatankuasa Fatwa boleh memprakukakan apa-apa pendapat mengikut AI-Quran dan atau Sunnah Rasulullah SAW.

⁴⁷ Seksyen 53 yang telah ditetapkan oleh enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006, Enakmen 4 tahun 2006 Negri

Jawatankuasa Perundangan Hukum syarak negeri Selangor⁴⁸ dan pandangan hukum adalah mengikut manhaj negeri berpandukan bidang kuasa yang diperuntukkan oleh enakmen pentadbiran Islam Negeri Selangor. Hal yang sama juga turut dilakukan oleh negeri-negeri yang lain.

Jika diteliti dalam enakmen pentadbiran Islam yang memberikan kuasa kepada majlis fatwa negeri-negeri menjalankan fungsinya terdapat perbezaan yang ketara. Seperti rujukan kepada keputusan yang akan dibuat oleh majlis agama Islam negeri Perlis berbanding negeri lain. Bagi negeri Perlis syarat fatwa hanya ditekankan kepada rujukan al-Quran dan al-Hadis tanpa terikat dengan mana-mana mazhab fiqh, tidak sebagaimana negeri-negeri lain yang meletakkan syarat fatwa mestilah mengutamakan *qaul* muktamad dalam mazhab Syafi'e.

Dalam menentukan pendapat yang paling muktamad dalam menentukan hukum bagi kebanyakan negeri di Semenanjung Malaysia, mestilah berpandukan *qaul* muktamad dalam mazhab Syafie. Pandangan dalam mazhab lain tidak dinafikan, namun sebarang ketentuan hukum mestilah diberi keutamaan mengambil berpandukan mazhab Syafi'e. Melainkan jika penggunaan *qaul* muktamad mazhab Syafi'e tersebut boleh menimbulkan kesukaran barulah pandangan muktamad dalam mazhab lain seperti *qaul* muktamad mazhab Hanafi, Maliki atau Hanbali.

Perkara ini termaktub secara jelas dalam enakmen pentadbiran Islam negeri-negeri sebagaimana berikut:

- (1) Dalam mengeluarkan apa-apa fatwa di bawah seksyen 50, atau memperakukan apa-apa pendapat di bawah seksyen 53, Jawatankuasa Fatwa hendaklah pada lazimnya mengikut pendapat-pendapat yang diterima (*qaulmuktamad*) Mazhab Syafii.
- (2) Jika Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa dengan mengikut qaul muktamad Mazhab Syafi'e suatu keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam akan terhasil, Jawatankuasa Fatwa bolehlah mengikut qaul muktamad Mazhab Hanafi, Maliki atau Hanbali.
- (3) Jika Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa tiada satu pun qaul muktamad daripada empat Mazhab itu boleh diikuti tanpa membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam, Jawatankuasa Fatwa bolehlah membuat fatwa itu mengikut ijihad tanpa terikat dengan qaul muktamad daripada mana-mana mazhab yang empat itu.⁴⁹

Hal ini berbeza dengan enakmen bagi majlis fatwa negeri Perlis. Mengikut enakmen pentadbiran Islam negeri Perlis yang telah disiarkan dalam Warta pada 25 Mei 2006 dalam seksyen 54⁵⁰ dinyatakan:

- 1) Dalam mengeluarkan apa-apa fatwa di bawah seksyen 48 atau memperakukan apa-apa pendapat di bawah seksyen 53 Jawatankuasa

perlis.http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen2011/State_Enact_Ori.nsf

⁴⁸ Keutamaan bagi mengeluarkan fatwa mengikut qul muktamad mazhab syafie.

http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen2011/State_Enact_Ori.nsf

⁴⁹ Enakmen pentadbiran Islam negeri Perlis, *Enakmen 4 Tahun 2006 Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006*. Di siarkan dalam warta 25 Mei 2006.

⁵⁰ Enakmen pentadbiran Islam negeri Terengganu. *Enakmen 2 Tahun 2001 Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu)*. Di siarkan dalam warta 22 November 2001.

Fatwa hendaklah mengikut AI-Quran dan atau Sunnah Rasulullah Sallallahualaihi Wassalam.

- 2) Pada mengeluarkan sesuatu fatwa di bawah Bahagian ini Majlis dan Jawatankuasa Fatwa hendaklah mengambil ingatan terhadap Adat Istiadat Melayu atau Undang-undang Adat Istiadat Melayu yang terpakai dalam Negeri Perlis.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian ini adalah berdasarkan kajian kualitatif. Data-data diperoleh melalui kajian analisis dokumen dengan merujuk kepada khazanah fiqh *turath* (klasik) dan fatwa semasa. Kajian yang bersifat kualitatif ini menggunakan metode deduktif dan komparatif.

KESIMPULAN

Perbezaan yang berlaku berkaitan antara keputusan hukum yang telah diputuskan oleh institusi fatwa dalam negara ini sepatutnya tidak menjadi isu yang menimbulkan polemik dalam masyarakat. Terdapat beberapa kaedah yang digariskan ilmuwan Islam dalam berinteraksi dengan perkara khilaf sebegini. Penekanan kepada beberapa aspek utama seperti berikut jika dilaksanakan dapat membendung salah faham kepada masyarakat.

Pertama, penekanan kefahaman kepada lapisan masyarakat bahawa perbezaan pandangan hukum yang wujud hanya berlaku dalam perkara cabang hukum (*furu'*) bukannya dalam perkara tunjang (*usul*) syarak.

Kedua, perbezaan metodologi atau manhaj yang digunakan oleh majlis fatwa negeri berbeza dengan negeri yang lain sekaligus menyebabkan wujudnya perbezaan dalam menentukan hukum dalam perkara cabang fiqh.

Ketiga, usaha untuk memberikan kefahaman kepada masyarakat bahawa segala keputusan yang telah dibuat oleh majlis fatwa sesebuah negeri sebagai ketetapan bagi negeri tersebut bukannya kepada negeri yang berlainan penekanan ini perlu dilaksanakan bagi menjaga kerukunan masyarakat sekaligus menjadi penghalang kepada wujudnya pandangan serong atau kenyataan yang tidak baik yang mempertikaikan ketetapan sesuatu keputusan yang telah diputuskan oleh sesebuah institusi fatwa. Penekanan kepada hal yang berkait rapat dengan kesetempatan fatwa yang meraikan *uruf* (kebiasaan) dan *waqi'* (realiti) bagi sesebuah negeri.

Yang terakhirnya, satu garis panduan pemahaman fatwa kepada masyarakat amat perlu diwujudkan. Masyarakat juga perlu diberikan kefahaman bahawa perbezaan dalam isu fatwa yang berlaku hanya melibatkan perkara cadang atau perkara *furu'*.

RUJUKAN

- Abdul Monir Yacoob, Mufti Dan Fatwa Di Negara-Negara Asean, Ed. Abdul Monir Yaacob dan Abd. Majid Wan Roslili, Cetakan 1 (Kuala Lumpur, 1998).
- Abi 'Abdullah Muhammad Bin Abi Bakr bin Ayyub. Ibnu Qayyim al Jauziyy, '*Alam Al-Muwaqif 'in an Rabbil 'Alamin*, 1st ed. (Jeddah: Dar Ibn Jauziyy, n.d.).
- Abi Ya'la ala far'a. Abi Ya'la Muhammad bin Hussain Al-Far'a, *Al-'Uddah fi Usul al-Fiqh*. Tahqiq Dr. Muhammad bin Ali Sairu al-Mubaraki. 1993.
- Al-Alwaniy. Taha Jabir Fayyadh Dr., *Adabul al-Ikhtilaf fi al-Islam* (Riasah al-Muhakim Al-Syar'iyyah wa al-Uyu'un al-Diniyyah, Qatar., 1405 h).

- Al-Nawawiy. Abu Zakariyya bin Yahya bin Saharfu al-Nawawiy. *Adabu al Fatwa wa al-Mufti wa al-Mustafti*. Dar Al Fiqh. 1987.
- Asnawiy. Imam Jamaluddin Abd Rahim bin Hasan, *Nuhayatussul Fi Syarhi Minhajul Usul*. Alimul Kutub .tt.
- Enakmen Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu (Kelantan), 1994, (Seksyen 33).
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Johor), 1978, (Seksyen 15). Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak), 1992, (Seksyen 37) Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Pulau Pinang), 1993, (Seksyen 39)
- Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Melaka), 1991, (Seksyen 33)
- Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Sembilan), 1992, (Seksyen 33)
- Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam (Selangor), 1989, (Seksyen 34).
- Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Kedah), 1965, (Seksyen 36).
- Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Pahang), 1991, (Seksyen 39).
- Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Perlis), 1963, (Seksyen 8/Pindaan 1988).
- Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Sabah), 1992, (Seksyen 38).
- Enakmen pentadbiran Islam negeri Perlis, *Enakmen 4 Tahun 2006 Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006*. Di siarkan dalam warta 25 Mei 2006.
- Enakmen pentadbiran Islam negeri Perlis, *Enakmen 4 Tahun 2006 Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006*. Di siarkan dalam warta 25 Mei 2006.
- Enakmen pentadbiran Islam negeri Terengganu. *Enakmen 2 Tahun 2001 Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu)*. Di siarkan dalam warta 22 November 2001. <http://www2.esyariah.gov.my/esyariah>. Capaian pada 3 April 2018.
- Enakmen pentadbiran Islam negeri Terengganu. *Enakmen 2 Tahun 2001 Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu)*. Di siarkan dalam warta 22 November 2001. <http://www2.esyariah.gov.my/esyariah>. Capaian pada 3 April 2018.
- Muhammad bin 'Ali al-Shaukani, *Irshad al-Fuhul ila Tahqiq Al-Haqiqi Min 'Ilmi Usul* (Kaherah, n.d.).
- Muhammad Ikhlas Rosele et. Al. (2013). "Konflik *Fatwa di Malaysia: Satu Kajian Awal*", Jurnal Fiqh, vol 10.
- Mustafa Said al-Khan. *Athar Ikhtilaf fi Qawaid Usuliyah fi Ikhtilaf al-Fuqaha*. Muassasah al-Risalah. 1972.
- Nor Naemah Abd Rahman. *Amalan Fatwa di Malaysia: Antara Keterikatan Mazhab dan Keperluan Tarjih*. Jurnal Fiqh, Vol 10. 2007.
- Zarkashi, Badru Addin Muhammad Bin Bahhar bin Abdullah Bin As-Syafie, *Al-Baru Muhith Fi Usuli al Fiqh*. Wizarah Auqaf li As-Suun Al- Ijtimaaiyyah. Cet. ke-2. 1992